

# ALAM MELAYU DARI SUDUT PANDANGAN PENULIS WANITA KOLONIAL

*(Women Colonial Writers and Their View of the Malay World)*

Mohamad Rashidi Pakri  
rashidi@usm.my

Elizabeth Joanny Openg  
elizabethjoanny@gmail.com

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia.

Published online: 1 January 2019

To cite: Mohamad Rashidi Pakri and Elizabeth Joanny Openg. (2019). Alam Melayu dari sudut pandangan penulis wanita kolonial. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 78 – 96.

## Abstrak

Artikel membincangkan sudut pandangan yang dikemukakan oleh penulis wanita pada zaman kolonial seperti Margaret Brooke (*The Ranee of Sarawak*) menerusi hasil tulisannya *My Life in Sarawak* (1913), Emily Innes menerusi karya *The Chersonese and the Gilding Off* (1885) dan Isabella Bird menerusi karya *The Golden Chersonese and the Way Thither* (1883). Ketiga-tiga karya ini ditulis semasa era pemerintahan British di Sarawak dan Tanah Melayu, sesuai dengan peranan Innes dan Bird sebagai isteri pegawai kolonial British di Tanah Melayu, serta Brooke sebagai isteri Raja Putih Sarawak. Sudut pandangan ketiga-tiga penulis terhadap nilai kehidupan Timur, orang Melayu dan ketamadunannya menampakkan perbezaan persepsi, ditambah pula dengan faktor latar belakang ekonomi dan status dalam masyarakat seperti yang dikemukakan oleh Sara Mills (2002). Kajian ini cuba membuktikan hasil penulisan para penulis tidak seragam (*homogeneous*) dan bersatu (*unified*) sesama mereka, malahan berselisih pendapat tentang beberapa perkara, terutamanya sudut pandangan mereka tentang polisi Kerajaan British di Tanah Melayu.

Kata kunci: kolonial, Sarawak, ranee, Melayu, Sarah Mills

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

**Abstract**

*This paper discusses the views expressed by three colonial women writers namely Margaret Brooke (The Ranees of Sarawak), Emily Innes and Isabella Bird. By comparing the results of their writings such as My Life in Sarawak (1913) by Margaret Brooke, Emily Innes and Isabella Bird, through their work, respectively, ie, The Chersonese and the Gilding Off (1885) and The Golden Chersonese and the Way Thither (1883). All three works was written during the era of British rule in Sarawak and Malaya and were closely linked with the role of Innes and Bird as the wife of the British colonial officer in Malaya as well as Margaret - the wife of Sarawak's White Rajah. The viewpoint of these three authors regarding Malays and its civilisation reveal differences in their perception of the value of life in the East, coupled with the overall economic background and status in society as presented by Sara Mills (2002). This paper tries to show how these three authors are not uniform or homogeneous and 'unified' with each other where disagreement is evident, especially about their point of view regarding the policy of the British government in Malaya / Sarawak and also about the values of Malay civilisation itself.*

*Keywords: colonial, Sarawak, ranees, Malay, Sarah Mills*

**PENDAHULUAN**

Zaman Renaissance yang pertama kalinya tercetus di Itali pada abad ke-14 Masihi (Noordin, 1999) menjadi ejen perubahan yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuklah aspek peningkatan karya intelektual seperti karya sastera kolonial pada abad tersebut (Noordin, 1999). Hal ini menjadi semakin berleluasa pada kemuncak Zaman Revolusi Perindustrian di Eropah pada kurun ke-19 yang menyaksikan berlakunya permintaan yang tinggi terhadap bahan mentah seperti bijih timah dan getah di negara tersebut. Hal ini lantas menjadi dasar kepada ideologi imperialisme mereka, iaitu untuk memastikan kelestarian sumber bahan mentah di Eropah terjamin dengan cara meluaskan jajahan takluk kuasa Eropah sehinggalah mereka mampu menjadi kuasa besar di Tanah Melayu, umumnya dan Sarawak, khususnya pada suatu ketika dahulu. Kesannya, semakin banyak karya yang bersifat autobiografi dihasilkan pada zaman itu.

Namun begitu, karya kolonial pada masa itu sering kali menyasarkan golongan penduduk tempatan di setiap jajahan British sebagai subjek utama dalam karya mereka. Rentetan itu, karya kolonial popular seperti yang dihasilkan oleh Daniel Defoe yang bertajuk *Robinson Crusoe* (1719) sering kali mempamerkan komentar yang berat sebelah dan negatif terhadap penduduk tempatan menerusi tulisan mereka (Said, 1978). Menurut Edward Said yang dikenali menerusi tulisannya yang bertajuk *Orientalism*,

karya kolonial bukan sahaja berjaya membahagikan dunia kepada dua bahagian, iaitu *occident* (penjajah) dan *orient* (penduduk tempatan), malahan cenderung melabelkan penduduk dan budaya tempatan tanah jajahan mereka sebagai eksotik dan mundur. Hubungan yang terjalin antara kedua-duanya jelas menggambarkan hubungan yang tidak seimbang antara golongan penjajah dengan penduduk tempatan yang melihat golongan penjajah meletakkan status mereka lebih tinggi berbanding dengan penduduk tempatan melalui komentar yang dibuat dalam setiap penulisan. Walau bagaimanapun, idea orientalisme yang dicanangnya dikritik oleh pemikir lain seperti Sara Mills.

Sara Mills dalam bukunya yang bertajuk *Discourse of Differences: An Analysis of Women's Travel Writing and Colonialism* mengetengahkan kewujudan karya autobiografi oleh penulis wanita kolonial tidak semestinya relevan dengan apa-apa yang diuar-uarkan oleh Said. Kegagalan para penulis wanita kolonial untuk menerima pakai ideologi imperialis sepenuhnya menjadikan mereka sebagai penulis wanita kolonial yang mempunyai nada berbeza berbanding dengan penulis lelaki kolonial pada zaman itu (Mills, 1991). Mills turut menambah, penulis wanita pada zaman itu sering kali memperlihatkan gaya penulisan yang memiliki “suara” yang bercampur-baur, yakni “suara” yang menyokong ideologi penjajah British dan turut memiliki “suara” yang seakan-akan mengkritik golongan penjajah. Mereka juga cenderung untuk menunjukkan reaksi yang tidak menentu terhadap budaya masyarakat tempatan di kawasan yang menjadi jajahan British. Dengan kata lain, pandangan mereka berbeza daripada penulis lelaki yang menulis sastera kolonial pada zaman itu. Para penulis wanita lebih menunjukkan sisi lembut mereka yang cenderung meluahkan empati terhadap penduduk asal.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sejauh manakah idea yang diutarakan oleh Sara Mills relevan dengan karya autobiografi kolonial yang dihasilkan oleh ketiga-tiga penulis wanita yang menjadikan kehidupan mereka di Tanah Melayu dan Sarawak sebagai tunjang karya mereka. Emily Innes, Isabella Bird, dan Margaret Brooke pernah menulis dan memberikan komentar terhadap pelbagai aspek di Tanah Melayu, termasuklah sudut pandangan mereka tentang polisi Kerajaan British di Tanah Melayu dan juga tentang nilai peradaban Melayu. Kajian ini akan menganalisis karya sastera penulis wanita kolonial berpandukan ciri yang diketengahkan oleh Sara Mills.

## SOROTAN LITERATUR

Imperialisme yang dilakukan oleh penjajah terhadap tanah yang asing bagi mereka memiliki kekayaan hasil bumi yang amat diperlukan demi kelangsungan ekonomi dan politik negara asal mereka. Negara Barat yang berpengaruh cuba untuk meluaskan

kekayaan mereka dan bertanding antara satu dengan yang lain bagi melihat sejauh manakah mereka dapat meluaskan pengaruh.

Williams dan Chrisman (1993) menjelaskan perkaitan antara kolonialisme dengan imperialisme mengikut pandangan para pemikir Marxisme, kedua-duanya ternyata berkait rapat dengan ideologi kapitalisme yang berpaksikan “globalisasi pengeluaran kapitalisme” (p. 2). Ideologi kapitalisme seperti yang digembar-gemburkan oleh sarjana Marxisme, menyaksikan zaman penjajahan pada zaman revolusi industri pada masa itu melangkaui ideologi penjelajahan untuk memastikan kelestarian kuasa mereka semata-mata. Buktinya, penjajah memanipulasikan kekayaan hasil bumi jajahannya untuk menampung permintaan pasaran pada zaman revolusi perindustrian seperti yang berlaku di kebanyakan Wilayah Timur termasuklah Asia Tenggara.

Maka tidak hairanlah sekiranya monumen dengan seni bina dari Eropah yang menjadi mercu tanda kuasa mereka masih gah berdiri di kebanyakan wilayah Asia seperti yang ada di Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Bangunan tersebut masih tersergam indah dan kebanyakannya diiktiraf sebagai tapak warisan UNESCO, suatu manifestasi kewujudan empayar Barat pada suatu ketika dahulu. Penjajah Barat akan menetap di wilayah jajahan takluk mereka, membina koloni dan mengawal sistem pemerintahan di jajahan berkenaan. Kewujudan koloni Barat di tanah jajahan mereka mencetuskan minat penulis Barat untuk menulis tentang kehidupan yang dilalui oleh penduduk tempatan dan penjajah Barat. Hasil tulisan seperti ini digelar sebagai “sastera kolonialis” berdasarkan “teori tentang kehebatan budaya Barat dan tindakan betul (*rightness*) empayar” (Boehmer, 1995, p. 3) untuk meluaskan kuasa dan jajahan mereka. Namun begitu, pemaparan masyarakat tempatan dalam sastera kolonialis menjadi suatu isu lantaran ketidaktepatan dan kecenderungan yang dipamerkan dalam kebanyakan penulisan kolonialis.

Ketidakadilan dalam gaya penulisan para penulis Barat membawa perbincangan yang berkaitan dengan teori dan pandangan sarjana yang mengkritik elemen negatif dalam tulisan berkenaan, lantas mendorong tulisan balas daripada sarjana dari Timur seperti Edward Said dan Zawiah Yahya yang lantang menyuarakan buah fikiran dan hujah balas mereka terhadap label yang diberikan oleh penjajah melalui buku dan artikel mereka.

Edward Said merupakan antara pelopor atau bapa teori orientalisme yang membongkar hubungan tersirat yang wujud antara masyarakat Barat dengan Timur dalam bukunya, *Orientalism* (1979). Said mendefinisikan teori orientalisme sebagai “suatu teknik pemikiran yang berdasarkan perbezaan ontologi dan epistemologi yang dibuat tentang masyarakat Timur yang selalunya dipelopori oleh masyarakat Barat” (1979, p. 2). Teori orientalisme ini memberikan pendedahan tentang pandangan

masyarakat Barat, terutamanya penulis tentang masyarakat Timur yang ternyata berbeza daripada norma kehidupan masyarakat Barat. Hal ini termasuklah gambaran yang mengaitkan Timur dengan kemunduran dan tidak bertamadun kerana perbezaan cara hidup yang ketara dengan masyarakat Barat yang dikatakan sebagai contoh masyarakat bertamadun dan maju.

Zawiah Yahya (1990) mengembangkan lagi teori orientalisme ini dengan membincangkan isu pemaparan masyarakat Timur dalam penulisan Barat dalam artikelnya. Beliau mengaplikasikan teori Macherey yang melihat penulis sebagai seorang pekerja yang menyampaikan idea dalam bentuk penulisan dan penulis tidak semestinya bebas daripada melakukan kesilapan. Ideologi yang dibawa oleh penulis berkenaan mungkin tidak dapat dizahirkan dengan sebaik-baiknya dalam penulisan beliau. Dengan mengaplikasikan teori Macherey, Zawiah mengkaji sebuah teks bertajuk *The Malayan Trilogy* oleh Anthony Burgess. Melalui kajiannya terhadap trilogi berkenaan, Burgess didapati menerapkan ideologi yang bertentangan dalam penulisannya. Beliau pada dasarnya dilihat cuba menunjukkan kehidupan kacau-bilau seorang pegawai Inggeris yang ditempatkan di Malaya dan hal ini seolah-olah melihat Burgess sebagai penulis yang cuba menentang ideologi imperialis yang menggambarkan kekuasaan orang kulit putih (*white man's superiority*). Namun begitu, kajian yang lebih mendalam menunjukkan pemaparan masyarakat tempatan yang dijajah masih lagi negatif dalam penulisan Burgess dan hal ini secara langsung dan tidak langsung memberikan pemaparan yang positif kepada penjajah kulit putih. Kesannya, masyarakat Barat mempercayai bahawa pemaparan negatif masyarakat tempatan merupakan imej “benar dan menggambarkan realiti” penduduk tempatan (p. 128).

Kajian Zawiah menunjukkan bahawa terbitnya kesedaran untuk menyanggah pandangan orientalis Barat tentang penduduk tempatan dalam penulisan mereka. Oleh itu, keperluan untuk mengkaji dan mengkritik pemaparan yang tidak tepat tentang masyarakat tempatan perlu bagi memastikan pemaparan ini tidak menjadi kayu pengukur untuk menilai keadaan masyarakat tempatan pada era kolonial.

### **LATAR BELAKANG PENULIS WANITA KOLONIAL TERPILIH: ISABELLA BIRD, EMILY INNES DAN MARGARET BROOKE**

Isabella Bird merupakan antara penulis wanita kolonial terawal yang menulis tentang Tanah Melayu dan budaya masyarakat Melayu. Bird yang dilahirkan pada tahun 1831 di Boroughbridge berdekatan dengan Bandar York, melawat Tanah Melayu pada tahun 1878 bersama-sama tunangnya, Dr. John Bishop. Lawatan selama lima

minggu bermula dari bulan Januari sehingga Februari merupakan lawatan beliau yang pertama ke Tanah Melayu. Namun begitu, lawatan tersebut bukanlah kali pertama beliau berada dalam lingkungan budaya ketimuran. Lawatan ini akhirnya memberikan inspirasi kepada beliau untuk menghasilkan sebuah autobiografi yang bertajuk *The Chersonese and the Gilding Off* yang berkisar tentang pengalaman dan persepsi beliau terhadap kehidupan di Tanah Melayu. Autobiografi yang ditulis beliau sebenarnya merupakan kompilasi surat beliau yang berkisar tentang perjalanan beliau dari Eropah ke negara Asia termasuklah Tanah Melayu.

Pernah dipandang sebagai sambungan kepada tulisan Isabella Bird, *The Golden Chersonese and the Gilding Off* ini turut menyajikan komentar tentang Tanah Melayu melalui perspektif penulis wanita kolonial. Emily Ines yang merupakan isteri seorang pegawai kolonial British dihantar bertugas di Tanah Melayu selama enam tahun. Suaminya, James Innes yang juga merupakan mantan bendahari di Sarawak dilantik menjadi majistret di Hulu Langat oleh Sir. William Jervois yang merupakan Gabenor Negeri-Negeri Selat pada ketika itu. Campur tangan British berlaku di Langat dengan alasan Sultan memerlukan perlindungan. Innes pula menjelaskan bahawa suaminya bertanggungjawab untuk menjadi penasihat sultan agar pentadbiran baginda sentiasa telus dan adil (p. 2).

Tanggal 24 September 1841 merupakan tarikh keramat bagi Sarawak yang mendapat kemerdekaan di bawah pimpinan Raja Putih yang pertama, iaitu Sir James Brooke. Beliau memerintah Sarawak sehingga nafas yang terakhir pada tahun 1868. Tanpa meninggalkan seorang zuriat, anak saudara baginda yang bernama Charles Brooke menggantikan tempatnya sebagai Raja Putih yang kedua. Selepas kemangkatan Charles Brooke, tempat baginda diambil alih oleh anak lelakinya yang bernama Vyney Brooke. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak akan memfokuskan keturunan Brooke di Sarawak tetapi cuba melihat persepsi isteri mereka, yakni Margaret Brooke yang merupakan isteri Raja Putih yang kedua. Selain pernah bergelar *the Ranee of Sarawak* pada suatu ketika dahulu, Margaret pernah menulis autobiografi yang berkisarkan pengalaman beliau sebagai isteri Raja Putih yang tinggal di Sarawak.

## **PENULIS WANITA KOLONIAL DAN PERSEPSI MEREKA TERHADAP KETAMADUNAN MELAYU**

### **Sosiologi Ketamadunan Melayu**

Bab pengenalan dalam buku yang ditulis oleh Isabella Bird ada menyebut kekerapan Tanah Melayu dan penduduknya menerima gambaran negatif daripada pemerhati



luar, iaitu *the usual conception of it is as a vast and malarious equatorial jungle, sparsely peopled by a race of semi-civilized and treacherous Mohammedans* yang bermaksud Tanah Melayu merupakan suatu kawasan yang sering kali dikaitkan dengan kewujudan hutan khatulistiwa yang luas terbentang dan kecenderungannya menjadi pusat penyebaran wabak malaria. Penduduk Melayu yang merupakan majoriti di Tanah Melayu dilabelkan sebagai suatu bangsa yang mundur dan separuh bertamadun. (p. 1). Mohammedans ialah terma yang sering kali diguna pakai oleh penulis Eropah untuk menggambarkan masyarakat Melayu yang merupakan penduduk majoriti di Tanah Melayu. Penggunaan terma “Mohammedans” sebagai kata ganti diri bagi bangsa Melayu yang beragama Islam jelas menggambarkan keterbatasan linguistik penulis Eropah sehingga mereka menggunakan terma yang tidak tepat untuk menggambarkan Muslimin dan Muslimat, iaitu “Neither great wars, nor an ancient history, nor a valuable literature, nor stately ruins, nor barbaric splendours, attract scholars or sight-seers to the peninsula” yang bermaksud “tanpa peperangan yang epik, sejarah purba, sastera berharga, tinggalan arkeologi mahupun ciri tidak bertamadunya dapat menarik golongan pengkaji dan pelancong ke Semenanjung Tanah Melayu) (p. 12).

Beranggapan bahawa Tanah Melayu merupakan sebuah tempat yang tidak mempunyai apa-apa daya penarik yang mampu menjana sebarang aktiviti kajian dan pelancongan, Bird melihat bangsa Melayu sebagai bangsa penjajah di Tanah Melayu. Mengambil kira tentang fakta berlakunya imigrasi secara besar-besaran dari Sumatera ke Melaka pada suatu ketika dahulu, Bird berdiri teguh dengan idea bahawa orang asal di Tanah Melayu sebenarnya terdiri daripada mereka yang digelar sebagai orang benua atau orang hutan, iaitu nama yang sama digunakan terhadap haiwan berupa kera yang banyak dijumpai di Kepulauan Borneo, Jakun dan juga sakei. Menurut Bird, kebanyakan masyarakat Melayu, terutama golongan orang asal ini dianggap sebagai kafir, kasar dan penculik kanak-kanak (pp. 12 – 13).

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa bab pengenalan autobiografi yang ditulis oleh Isabella Bird menyelitkan banyak komentar negatif terhadap masyarakat Melayu, “The men are not handsome, and the women are undecidedly ugly. Both sexes look old very early” yang bermaksud “sifat fizikal lelaki dan wanita di Tanah Melayu yang tidak menarik dan dimamah usia (p. 18, p. 138).

Namun, sebaliknya Bird beranggapan bahawa bangsa Melayu di Tanah Melayu sememangnya boleh dikategorikan sebagai bertamadun berdasarkan pemerhatian beliau terhadap cara mereka berpakaian yang terdiri daripada gabungan fesyen tradisi Timur dan Barat, cara hidup mereka yang kebanyakannya bertani, berkebolehan untuk menghasilkan karya seni, terutamanya seni pembuatan keris menerusi

kewujudan bukti catatan manuskrip Melayu, serta wujudnya sistem kerajaan dan undang-undang laut dan darat. Bird juga merasakan bahawa tamadun Melayu sudah mengalami zaman cerahnya pada masa itu dengan menyatakan, “They are not savages in the ordinary sense, for they have a complete civilisation on their on, and their legal system is derived from the Koran” yang bermaksud, “mereka bukanlah masyarakat yang tidak bertamadun sepenuhnya kerana mereka hidup menurut sistem ketamadunan seperti perundangan yang berlandaskan al-Quran” (p. 138).

Meskipun pada awalnya Innes menyedari akan kewujudan desas-desus yang menyifatkan bahawa perpindahan mereka ke Hulu Langat menyebabkan ketidakselesaan, terutamanya wanita seperti Innes. Beliau menyangkal pandangan yang menyatakan bahawa wanita berada dalam keadaan bahaya dibiarkan keseorangan di tempat seperti Hulu Langat dengan menyatakan, “I often tried the experiment (to stay alone) rather than go on long expeditions” yang bermaksud, “saya sering kali mencuba untuk tinggal bersendirian daripada terlibat dalam ekspedisi yang lama” (p. 5). Keadaan ini sudah tentunya berbeza daripada cara hidup Isabella Bird di Tanah Melayu yang sering kali berpindah-randah akibat pelibatan beliau dalam bermacam-macam ekspedisi. Oleh sebab itu, gambaran pertama yang diberikan oleh Innes terhadap masyarakat Melayu bukanlah gambaran yang berfokus pada rupa fizikal mahupun kelas sematamata, malahan lebih kepada sifat masyarakat Melayu yang sangat baik dan mengambil berat (*kind and attentive*) terhadap dirinya semasa ketiadaan suaminya (p. 6).

### **Amalan dan Kepercayaan dalam Tamadun Melayu**

Isabella Bird membahagikan masyarakat Melayu kepada dua kelas yang utama, yakni mereka yang berpendidikan dan mereka yang tidak berpendidikan. Beliau semakin arif dalam hal yang membabitkan kelas di Tanah Melayu kerana aktiviti harian beliau yang selalu melawat orang kenamaan seperti Captain Murray dan Mr. Maxwell di kawasan yang berbeza. Golongan yang berpendidikan dikategorikan sebagai golongan atasan dan mereka digambarkan sebagai umat Islam yang tegas. Golongan kelas bawahan pula cenderung untuk mencampuradukkan kepercayaan tahyul mereka dengan ajaran yang disampaikan oleh kitab suci al-Quran. Perbezaan kelas sekali lagi menjadi perhatian Bird yang mempunyai cara tersendiri untuk membahagikan kaum Melayu kepada golongan Melayu berada dan golongan Melayu miskin. Menurut beliau, golongan berada selalunya mengenakan perhiasan emas atau perak di kepala, manakala yang miskin hanya memakai perhiasan perak (p. 139).

Kendatipun Bird melihat budaya masyarakat Melayu sebagai sesuatu yang sering dikaitkan dengan kepercayaan karut, maka mereka perlu didedahkan dengan sistem



pendidikan Eropah seperti geografi, seni bina dan sains. Cubaan untuk menerapkan elemen Eropah ke dalam undang-undang tempatan yang sudah sedia ada sebenarnya tidak membantu, malah akan merumitkan lagi keadaan (p. 23). Bird turut beranggapan bahawa budaya Melayu bersifat berat sebelah terhadap kaum wanita, terutamanya perjanjian hutang yang melibatkan hamba abdi yang wujud hampir di setiap negeri di Tanah Melayu, kecuali Selangor dan Sungai Ujong:

*In debt slavery, which prevails more or less among all classes, and has done a great deal to degrade the women of the Peninsula, a man owing a trifling debt incurred through extravagance, misfortune, or gambling, can be seized by his creditor; when he, his wife, and children, including those who may afterwards be born, and probably their descendants, become slaves.*

(Perhambaan manusia merupakan antara cara untuk melangsaikan hutang-piutang yang terjadi dalam semua kelas sosial di Tanah Melayu. Hal ini disifatkan sebagai memijak kaum wanita di Semenanjung Tanah Melayu kerana kaum wanita dan kanak-kanak sering kali dijadikan hamba sebagai bahan pertukaran untuk tujuan melangsaikan hutang suami dan ayah mereka) (pp. 25 – 26).

Ternyata Bird memandang serong aktiviti perhambaan manusia yang giat dilakukan di Tanah Melayu, pada suatu ketika dahulu dengan menyatakan:

*I think that in most of these tropical colonies the ladies exist only on the hope of going “home!” It is dreary, aimless life for them-scarcely life, only existence.*

(Saya fikir dalam kebanyakan jajahan tropika, wanita wujud hanya pada harapan akan rumah! Ia adalah suram, kehidupan tanpa tujuan untuk mereka - hampir-hampir tidak hidup, hanya kewujudan yang dapat dirasai”) (p. 110).

Selain sultan, Innes turut menyanggah idea skeptikal penduduk Eropah di England terhadap masyarakat di Tanah Melayu. Menurut beliau, “It seems to be the general impression in England that the Malay nature is ‘treacherous, blood thirsty and cruel;’ but I am so far from found it so” yang bermaksud “Ia merupakan suatu perkara lazim bagi penduduk England yang beranggapan bahawa alam Melayu dipenuhi dengan manusia-manusia yang ‘khianat, dahagakan darah dan kejam’ tetapi saya mendapati mereka (masyarakat Melayu) adalah sebaliknya” (p. 41).

Innes kelihatan lebih selesa dan berasa lebih selamat tinggal di Tanah Melayu berbanding dengan di England yang merupakan tanah airnya. Menurut beliau:

*... his country (Tanah Melayu) was far more peaceful than England, and life and property were more secure in it than in London. There were no dynamiters in*

*Langat; and I know no 'civilised' country where it will be possible to leave your house perfectly open night and days for years as we did.*

... negaranya (Tanah Melayu) jauh lebih aman daripada England; nyawa dan harta benda lebih selamat di sini berbanding dengan di London. Tiada 'dynamiters' di Langat; dan saya tahu tiada negara 'bertamadun' yang selamat meninggalkan rumah dalam keadaan terbuka pada waktu siang dan malam selama bertahun-tahun seperti yang kita (pasangan Innes) lakukan.) (p. 43)

Persepsi Innes berubah mungkin disebabkan beliau berani tinggal bersendirian bersama-sama penduduk kampung ketika suaminya terlibat dalam ekspedisi untuk tempoh yang lama sehingga beliau dianggap sebagai "doktor" oleh penduduk kampung, sambil cuba untuk memahami bahasa Melayu. Bagi Innes, sultan yang merupakan kepala kerajaan turut menggambarkan kuasa kerajaannya. Atas dasar inilah, Innes melihat Kerajaan Langat sebagai "lemah" dan memerlukan perlindungan British daripada pemangsa yang dahagakan kuasa dan darjat.

Antara aspek penting yang dibincangkan oleh Innes dalam autobiografinya termasuklah adab masyarakat Melayu. Innes menggambarkan ketidakselesaan beliau apabila terpaksa berhadapan dengan kerenah wanita tempatan sama ada miskin atau kaya yang gemar 'bergosip' dan suka membuat perkara yang remeh-temeh. Innes turut menyuarakan kejanggalan beliau untuk "bersalaman" setiap kali bertemu dengan penduduk kampung kerana khawatir akan terkena penyakit kulit berjangkit yang sering menyerang penduduk kampung. Dengan kata lain, Innes berpendapat bahawa budaya bersalaman sebagai sesuatu yang "kotor". Sama seperti yang diperkatakan oleh Bird tentang kewujudan hamba abdi wanita, Innes turut mengakui perkara yang sama berlaku di Langat. Bagi Innes, nasib selalu tidak menyebelahi kaum wanita di Tanah Melayu. Mereka dilihat sebagai golongan yang sering kali dikongkong dan tidak berpelajaran, malah terpaksa berhadapan dengan sistem perkahwinan yang lebih berpihak kepada golongan lelaki seperti yang dinyatakannya, "The marriage law of Malaya, like those of England, appear to have been made exclusively by the men, for the men's advantage" yang bermaksud, undang-undang perkahwinan di Tanah Melayu seperti apa-apa yang berlaku di England, nampaknya dibuat secara eksklusif oleh lelaki untuk kepentingan lelaki (p. 85). Beliau menambah, penindasan terhadap kaum wanita dalam masyarakat Melayu turut didorong oleh teori masyarakat tempatan yang menganggap seorang wanita dilahirkan untuk menjadi hamba kepada lelaki (p. 86). Melalui autobiografinya juga dapat dilihat situasi Innes yang setelah sekian lama tinggal bersama-sama masyarakat kampung memahami konsep "lain rumput, lain belalang" yang sememangnya terjadi di Tanah Melayu antara komuniti

British dengan komuniti Melayu seperti perbezaan pendapat antara dua bangsa tentang penghinaan terhadap wanita. Menurutnya, “Malays idea on what is insulting to women are in many ways different for ours. ... it’s an insult to a lady if a Malay takes off his cap in her presence” yang bermaksud “idea masyarakat Melayu tentang perkara yang dikira sebagai hinaan kepada wanita adalah sangat berbeza dengan pandangan masyarakat ... ia merupakan suatu penghinaan kepada wanita, jika orang Melayu mengangkat atau menanggalkan topinya di hadapan beliau (p. 213).

Dalam bab yang sama, Innes ada menyelitkan cerita beliau bersama-sama Tunku Panglima Raja yang menunjukkan betapa Innes sebenarnya merupakan seorang wanita yang bersifat terbuka terhadap budaya masyarakat lain. Menurut beliau:

“Kadang-kadang, beliau (Tunku Panglima Raja) ada juga menyertai kami pada majlis makan tengah hari. Beliau turut meminta maaf dengan sopan kerana menjamah makanan dengan jarinya dan berkata bahawa dirinya ialah seorang lelaki tua yang lambat mempelajari perkara baharu. Beliau dan saya pernah berhujah tentang penggunaan tangan, sudu dan garpu, dan saya mengaku bahawa beliau memiliki hujah yang lebih baik:

‘Sejujurnya, kami orang Melayu tidak peduli makan dengan garpu dan sudu kerana kami fikir perbuatan tersebut merupakan suatu amalan yang kurang bersih.

Kami akan katakan kepada diri kami sendiri:

Apa yang saya tahu tentang sejarah garpu ini? Ia telah berada dalam ratusan, mungkin ribuan mulut; mungkin juga dalam mulut yang paling busuk, yang dimiliki oleh musuh saya. Buat kami, ia amat menjijikkan.’”

“Tetapi, Tunku,” kata saya, “Garpu ini telah dibersihkan dengan baik atau biasanya dibersihkan setiap kali digunakan, pertama dengan sabun dan air panas, kemudian dengan serbuk pencuci pinggan.”

“Sekiranya begitu...” kata Tunku.

“Tetapi bagaimana anda benar-benar tahu bahawa pelayan anda tidak berbuat demikian dan sambil lewa dalam pekerjaannya? Jika anda mempunyai pekerja yang malas, anda bertanggungjawab untuk makan dengan garpu yang belum dibersihkan secara menyeluruh. Sedangkan saya benar-benar tahu bahawa jari saya memang bersih, di mana saya telah mencucinya sendiri sebelum makan. Ia adalah sebersih garpu yang paling bersih, dan ianya mempunyai dua kelebihan besar:

Pertamanya, ianya tidak pernah berada di dalam mulut sesiapa pun kecuali mulut saya sendiri, dan yang kedua, ianya tidak pernah hilang, atau salah letak, atau dicuri. Ianya sentiasa di tangan apabila diperlukan.”

(p.101-103; terjemahan: <http://historianlodge.historiansecret.com/?p=1006>)

Kesudian Innes untuk memberikan maklumat terperinci tentang perbualan beliau dengan Tunku Panglima Raja dan merakamkan perbualan tersebut dalam autobiografi sebenarnya merupakan suatu cubaan untuk menonjolkan ketinggian tamadun Melayu, di samping membuka mata golongan kolonial British untuk melihat logik dalam adab yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu yang sering kali dipandang rendah. Menariknya, pada penghujung bab, Innes menggambarkan keakuran dan penerimaan beliau terhadap perbezaan yang wujud dalam adab dan etika yang diamalkan oleh tamadun British dan tamadun Melayu.

Meskipun autobiografi yang ditulis oleh Innes dilihat memberikan banyak komen positif tentang ketamadunan Melayu, namun terdapat juga beberapa komentar negatif yang dilontarkan oleh beliau. Antaranya termasuklah isu yang berkaitan dengan perebutan kuasa sesama raja Melayu yang menurut pandangan beliau memberikan peluang kepada bangsa asing, termasuklah British untuk menjajah Tanah Melayu. Hal ini terjadi kerana sikap raja Melayu yang menganggap diri mereka sebagai yang terbaik di dunia. Menurutnya lagi:

*A Malay is by nature the laziest being in the face of the earth. He would like to lie under the banana-tree all his life and let the fruit drop into his mouth.*

(Orang Melayu merupakan makhluk yang paling malas di muka bumi. Mereka hanya ingin berbaring di bawah pokok pisang sepanjang hidupnya dan menanti pisang jatuh ke dalam mulutnya) (p. 187).

### **Perbezaan Darjat dalam Tamadun Melayu**

Kedatangan Bird ke Tanah Melayu menyedarkan beliau akan status wanita Melayu yang dianggap berada pada kedudukan yang terbawah, lebih rendah daripada golongan lelaki Melayu. Menerusi surat yang ditulis oleh Bird, dapat dilihat beliau lebih menghormati dan memandangi tinggi kaum Cina berbanding dengan kaum Melayu kerana kaum Cina lebih berjaya dalam kalangan imigran (termasuk Kling dan Melayu) (p. 116 – 118). Melaka yang dianggap sebagai sebuah kerajaan yang bersejarah dan penting dalam ketamadunan Melayu di Tanah Melayu turut dipandang enteng oleh Bird dengan menyatakan:

*... the feature of Malacca is that it is featureless! ... it has no politics, little crime, rarely gets even two lines in English newspaper, and does nothing towards making contemporary history.*

( ... Melaka merupakan suatu tempat yang serba kekurangan ... tanpa politik dan kadar jenayah yang kurang, kurang mendapat perhatian akhbar Inggeris. Kerajaan langsung tidak menyumbang kepada perkembangan sejarah kontemporari di Tanah Melayu) (p. 130).

Kenyataan yang dibuat oleh Bird ini ternyata tidak mengambil kira akan kepentingan Melaka sebagai permulaan tamadun Melayu di Tanah Melayu. Dengan menggambarkan bahawa Melaka sebagai “lemah” dengan mengambil kira kekerapan laporan tentang Melaka dilaporkan di akhbar berbahasa Inggeris adalah tidak adil dan menjadi bukti bahawa pengetahuan beliau terhadap Tanah Melayu terlalu “eurocentric”, walhal banyak bukti tentang kepentingan Melaka dicatatkan dalam manuskrip Melayu lama seperti *Sulalatus Salatin* karya Tun Sri Lanang yang dihasilkan sekitar tahun 1615.

Bird dalam autobiografi beliau menyifatkan kehadiran British di Tanah Melayu sangat diperlukan, bahkan dialu-alukan oleh penduduk Tanah Melayu. Menurut Bird:

*The Malays highly appreciate the manner in which law is administered under English rule and the security they enjoy in their persons and property, so that they can azure property without risk, and accumulate and wear the costliest jewels even in the streets of Malacca without fear of robbery and spoliation.*

(Orang Melayu amat menghargai undang-undang yang ditadbir di bawah pemerintahan Inggeris dan berasa bebas dan selamat untuk menikmati, mengumpul dan memakai permata yang paling mahal sambil bersiar-siar di Melaka tanpa sebarang ancaman) (p. 140).

*... the Malays themselves are undoubtedly contented with British rule and are prospering under it.*

(orang Melayu sememangnya berpuas hati dengan pemerintahan British dan hidup makmur di bawah pemerintahannya) (p. 266).

Kenyataan Bird tentang penerimaan masyarakat Melayu ini bertentangan dengan fakta bahawa terdapat banyak penentangan terhadap British yang dipimpin oleh tokoh Melayu seperti Dol Said di Naning, Dato Maharajalela di Perak, Dato Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau di Pahang, Tok Janggut di Kelantan, Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu, Mat Salleh di Sabah dan Rentap di Sarawak. Wujudnya

gerakan penentangan ini merupakan tanda protes terhadap pentadbiran British di Tanah Melayu.

Menerusi analisis yang dijalankan terhadap autobiografi ini, Isabella Bird sebagai seorang penulis wanita pada zaman kolonial lebih memperlihatkan sisi seorang penulis yang “eurocentric” dan “occidental”. Tulisan beliau dilihat lebih banyak memberikan konotasi negatif terhadap masyarakat Melayu di Tanah Melayu dan memberikan gambaran bahawa kehadiran kuasa Barat, terutamanya British amat diperlukan demi masa depan Tanah Melayu yang lebih cerah, dan berubah dari mundur kepada yang lebih baik.

Berbanding dengan kenyataan Bird yang memperkecilkan tugas wanita dalam masyarakat, Innes melihat sisi wanita dalam masyarakat Melayu lebih kuat berbanding dengan lelaki:

*The women, in fact, when they do any work at all, which was not often the case in Langat, seem to do all the hardest part, and may be seen digging in their gardens or pounding rice, while them men sleep in the shade*

(Wanita, sebenarnya, apabila mereka melakukan sesuatu pekerjaan, walaupun bukan sesuatu yang sering berlaku di Langat, mereka seolah-olah melakukan semua bahagian yang paling sukar seperti menggali di taman, atau menumbuk beras, sementara kaum lelaki berehat di tempat teduh) (p. 23).

Kenyataan ini ternyata membidas idea Bird yang menggelar wanita seperti “mayat hidup”. Walau bagaimanapun, kedudukan terendah dalam masyarakat Melayu tetap dipegang oleh “amah” (ditulis sebagai ayah oleh Innes). Amah merupakan pembantu rumah wanita yang sepatutnya membantu golongan atasan untuk menguruskan kerja rumah (p. 23 – 26). Sebagai sebahagian daripada ahli kolonial, Innes tidak terlepas daripada melihat masyarakat Melayu sebagai “savage” (manusia buas) termasuklah sultan. Meskipun demikian, beliau akur bahawa negara itu tetap milik sultan dan mereka (pasangan Innes) hanyalah tetamu jemputan baginda (p. 39). Pandangan Innes terhadap sultan kemudiannya berubah menjadi perasaan hormat dan terjalinlah persahabatan antara mereka. Menurut Innes, “He was invariably kind to us, and I believe to everybody” yang bermaksud, “baginda sangat baik terhadap kami dan semua orang” (p. 41 – 42).

Kehadiran British di Sarawak pula sememangnya suatu perkara yang sepatutnya berlaku. Margaret Brooke turut menganggap hal ini berjaya membawa kesan positif, khususnya terhadap perkembangan masyarakat Melayu Sarawak yang menurut beliau boleh dianggap keluar dari kepompong yang “tidak bertamadun”:



*But talking of these sarongs and the wonderful cloth manufactured by the women of Sarawak, it always surprises me when I consider, given the idea that Sarawak is such an uncivilised country when the first Rajah went there, and that its people were sunk in a state of barbarism, how it was possible that the womenkind of the Malay population living in the place evolved the marvellous embroideries brocades that nearly all the Women of Sarawak are capable of weaving.*

(Tetapi bercakap tentang kain pelikat dan kain yang indah hasil tenunan wanita Sarawak, ia sentiasa mengejutkan saya, memandangkan Sarawak ialah suatu negara yang tidak bertamadun, dan cara hidup mereka yang seakan-akan seperti kehidupan orang gasar sewaktu Raja yang pertama mula-mula sampai di Sarawak kini telah pun berubah seperti yang dapat dilihat melalui kemajuan yang menakjubkan wanita Melayu Sarawak dalam seni sulaman) (p. 29).

Menerusi kata alu-aluan yang ditulis oleh Sir Frank Swettenham dalam autobiografi Brooke, beliau melihat Margaret sebagai seorang yang menunjukkan nilai empati yang tinggi, terutamanya terhadap masyarakat Melayu dan Dayak di Sarawak. Hal ini mendorong Brooke untuk terus menjadi lebih rapat dengan penduduk Melayu Sarawak. Bahkan keakraban tersebut menjadikan beliau sebagai sebahagian daripada masyarakat tempatan di Sarawak. Dalam autobiografinya, beliau berkongsi pandangan suaminya yang turut merasakan perubahan dalam cara hidup isterinya itu dengan menyatakan bahawa, “I was rewarded by his saying, “Why, you have become a real Malay!” yang bermaksud, baginda memuji saya, “sekarang kamu telah menjadi orang Melayu yang sebenar!” (p. 39).

Margaret Brooke dalam tulisannya kelihatan sangat memandang tinggi dan tertarik kepada budaya dan cara hidup masyarakat Melayu Sarawak:

*The charm of the people, the wonderful beauty of the country, the spaciousness, and the absence of anything like conventionality, all enchanted me. Moreover, the people were my own, and every day that passed – and I am not ashamed to own it-little by little I lost some of my European ideas, and became more of a mixture between a Dayak and a Malay.*

(Keindahan rakyat, kecantikan semula jadi negara ini, kelapangan, dan ketiadaan apa-apa yang bersifat konvensional, semua ini nyata sangat mempesonakan. Tambahan pula, mereka merupakan rakyat saya sendiri, dan setiap hari yang berlalu saya tidak malu untuk memilikinya sedikit demi sedikit saya kehilangan identiti Eropah saya, dan menjadi lebih dekat kepada campuran antara Dayak dengan Melayu) (p.61).

Seperti Innes, Brooke lebih mudah untuk memahami budaya hidup masyarakat Melayu di Sarawak kerana beliau sudah biasa hidup bersendirian bersama-sama penduduk kampung ketika Raja Putih terlibat dalam ekspedisi yang panjang. Malah,

bukanlah sesuatu yang mengejutkan ketika beliau memberikan kenyataan yang lebih positif terhadap penganut agama Islam di Sarawak:

*Once sad incident I must mention, if only to contradict the common idea Mohamedan are all fanatics and incapable of sympathy towards the religious feelings of those who are outside their creed*

(Saya ingin menceritakan suatu kisah sedih yang berlaku tidak lama dahulu, ini hanya untuk membidas segala ideologi skeptikal yang sering dilemparkan kepada penganut agama Islam yang selalu disalahertikan sebagai fanatik dan tidak memiliki perasaan simpati terhadap mereka yang bukan seagama”(p. 90).

Margaret merujuk detik beliau mengalami keguguran dan beberapa orang Mohamedan bersusah-payah menjaga beliau dan menguruskan jenazah bayi beliau menurut budaya Eropah dengan pengetahuan yang mereka peroleh daripada seorang doktor. Selain itu, Margaret turut mengangkat martabat wanita Melayu Sarawak berdasarkan keperibadian mereka yang dilihat sebagai lebih beradab sopan berbanding dengan sesetengah masyarakat Eropah dengan menyatakan bahawa, “Malay ladies have better manners than some Europeans” (p. 134). Hal ini sememangnya bercanggah dengan perkara yang ditulis oleh Innes. Keramahan wanita Melayu di Tanah Melayu menyebabkan beliau berasa tidak selesa untuk bergaul dengan mereka, namun keramahan yang ditunjukkan oleh kaum wanita Sarawak yang berjaya menambat hati Brooke untuk terus menjalinkan persahabatan dengan wanita Melayu Sarawak.

### **AGAMA DAN TAMADUN MELAYU MENGIKUT PANDANGAN PENULIS WANITA KOLONIAL YANG TERPILIH**

Innes memiliki persepsi yang kurang baik terhadap agama Islam yang majoritinya diamalkan oleh masyarakat Melayu. Para penganut Islam menurut pandangan beliau digambarkan sebagai golongan yang tidak pernah mematuhi masa sebagai, “Some would be days too soon, some would be days too late” (ada yang hadir beberapa hari lebih awal dan ada pula yang tiba beberapa hari lebih lewat) (p. 189) dan “The unpunctuality of the Malay is, I believe, partly the fault of their religion, which forbid them to count their age” (Sikap tidak menepati masa dalam kalangan masyarakat Melayu, saya percaya, sebahagiannya kerana kesalahan agama mereka, yang melarang umatnya untuk mengira umur mereka (p. 194).

Innes turut menceritakan suatu kejadian yang melibatkan orang suruhannya, Taib yang enggan untuk membersihkan lebihan lemak khinzir meskipun diarah oleh Innes untuk berbuat demikian. Keengganan Taib yang bersandarkan atas faktor agama

akhirnya mengundang rasa kekecewaan Innes terhadap cara hidup masyarakat Islam sebagai:

*... the Prophet Mohammad's regulations were rather short sighted, as in trying to make his followers particularly refined and clean in their habits. He had only succeeded in making them particularly dirty.*

(Peraturan yang diwartakan oleh Nabi Muhammad agak berpandangan sempit, seperti dalam cubaan untuk menjadikan pengikutnya bersih dalam setiap amalan mereka. Dia hanya berjaya menjadikan mereka lebih kotor) (p. 229).

Hal ini terjadi akibat kurangnya pengetahuan Innes tentang agama Islam, umumnya, serta konsep halal dan haram yang termaktub dalam al-Quran, khususnya. Melalui autobiografinya, Emily Innes dilihat sebagai penulis yang paling banyak menunjukkan percanggahan perasaan apabila menyentuh hal yang berkaitan dengan cara hidup masyarakat Melayu. Antara contoh yang dapat menjelaskan “kecelaruan” yang dialami beliau dimanifestasikan melalui gambaran beliau yang pada awalnya memuji orang Melayu yang bergelar sultan atas kebaikan baginda memberikan layanan yang baik kepada semua, dan pada masa yang sama beliau juga menunjukkan sikap tipikal penulis kolonial yang suka melabelkan subjek (masyarakat Melayu) secara umum seperti “Melayu malas”.

Margaret Brooke melihat pelibatan British di Sarawak mempunyai kesan yang positif terhadap toleransi agama di Sarawak:

*Churches of the different denominations stand out prominently in the landscape for all faiths enjoy the same privileges and freedom at the hand of Sarawak Government. One sees the Roman Catholic and Protestant churches, Chinese temples marvelously decorated, Hindu shrines, and Mohamedan Mosque.*

(Gereja-gereja dari mazhab yang berbeza kelihatan menonjol sekali dalam landskap yang membolehkan semua agama menikmati keistimewaan yang sama dan kebebasan beragama di bawah pentadbiran Kerajaan Sarawak. Seseorang dapat melihat gereja Roman Katolik dan gereja Protestan, dekorasi tokong cina yang menakjubkan, kuil suci Hindu dan Masjid Mohamedan dalam satu kawasan) (p. 63).

Hal ini tidak dapat dinafikan kerana tempat beribadah ini masih wujud di pusat bandar Kuching pada hari ini. Sememangnya tempat beribadah ini terletak berdekatan antara satu dengan yang lain tanpa menimbulkan sebarang masalah kepada penduduk Kuching. Sememangnya toleransi agama ini merupakan antara legasi terbaik yang ditinggalkan oleh pentadbiran British di Sarawak.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan, menerusi tulisannya *My Life in Sarawak*, Margaret Brooke sememangnya merupakan penulis yang menunjukkan rasa empati yang sangat tinggi terhadap masyarakat Melayu. Beliau bersikap sangat positif terhadap cara hidup masyarakat Melayu dan pentadbiran British di Sarawak. Gaya penulisan beliau yang menunjukkan bahawa sebagai wanita kolonial, Margaret memenuhi syarat sebagai seseorang yang “go native”, yakni berjaya menyesuaikan diri dengan cara hidup masyarakat yang dijajah.

## KESIMPULAN

Isabella Bird, Emily Innes dan Margaret Brooke dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat tentang kehidupan di Tanah Melayu menerusi autobiografi tulisan mereka. Persamaan antara ketiga-tiga autobiografi ini ialah setiap satunya lebih berfokus pada pengalaman hidup mereka untuk menyesuaikan di tempat baharu, tulisan mereka seolah-olah memberikan peluang kepada mereka untuk bersuara dan memberikan komentar terhadap perkara yang berlaku di sekeliling mereka, serta ketiga-tiganya kurang membincangkan isu yang berkaitan dengan pentadbiran Kerajaan British di Tanah Melayu, umumnya dan Sarawak, khususnya.

Ketidacenderungan mereka untuk membincangkan isu yang melibatkan politik menurut Mills (2002) adalah disebabkan oleh kedudukan wanita dalam sistem sosial British yang hanya dibenarkan untuk menjadi simbol “rumah dan kesucian” (*British women were only allowed to figure as symbols of home and purity*) dan tidak digalakkan terlibat dengan politik pada ketika itu (p. 3). Kedudukan golongan wanita kolonial yang “ditindas” dalam isu politik menyebabkan mereka gagal untuk menerima pakai ideologi imperialis sepenuhnya dalam penulisan autobiografi mereka. Walau bagaimanapun, kekangan politik seperti yang ditetapkan dalam komuniti penjajah (British) tidak menghalang ketiga-tiga penulis wanita ini memiliki kesedaran politik yang sangat tinggi. Buktinya, ketiga-tiga penulis wanita kolonial tersebut bersifat ambivalens (*ambivalence*) dalam penulisan mereka dengan kehadiran emosi yang bercanggah berkenaan dengan isu yang melibatkan masyarakat Melayu, yang adakalanya menyokong stereotaip yang sedia ada seperti Melayu tidak bertamadun, tetapi pada masa yang sama mengakui orang Melayu sudah mempunyai tamadunya yang tersendiri, yakni berlandaskan al-Quran.

Mills turut menekankan perbezaan antara penulis lelaki dengan wanita pada zaman kolonial yang paling jelas dapat dilihat melalui subjek yang menjadi fokus utama dalam penulisan mereka. Bagi Mills, “women writers tended to concentrate on descriptions of people as individuals, rather than on a statements about the race as a whole” yang bermaksud “penulis wanita cenderung untuk menumpukan perhatian kepada

perihal individu, dan bukan pada kenyataan tentang bangsa secara keseluruhannya (p. 3) seperti yang dapat dilihat dalam ketiga-tiga autobiografi yang dibincangkan. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membuktikan bahawa hasil penulisan penulis wanita kolonial Barat sememangnya tidak seragam (*homogeneous*) dan bersatu (*unified*) sesama mereka. Isabella Bird, Emily Innes dan Margaret Brooke mempunyai pandangan yang bercanggah terhadap pentadbiran Kerajaan British di Tanah Melayu dan juga tentang cara hidup masyarakat Melayu. Oleh itu, percanggahan pendapat yang wujud dalam ketiga-tiga penulisan penulis wanita kolonial yang dipilih dalam kajian ini jelas mencabar idea yang dilontarkan oleh Edward Said yang berpaksikan idea wujudnya piawaian yang bersifat “monotonous” dalam tulisan penulis kolonial. Sebagai seseorang yang mementingkan pengamatan persepsi dari pelbagai aspek penulisan, Said nyata gagal untuk melihat penulisan kolonial dari aspek pandangan penulis wanita, justeru meletakkan ideologi orientalisme beliau sebagai berat sebelah yang meminggirkan kedudukan wanita dalam sistem masyarakat seperti yang sering dilaksanakan oleh British sebagai bangsa penjajah.

## RUJUKAN

- Bird, I. L. (2010). *The golden chersonese and the way thither*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Boehmer, E. (1995). *Colonial and postcolonial literature: Migrant metaphors*. New York: Oxford University Press.
- Brooke, L. M., B. (n.d.). My life in Sarawak. Retrieved from <https://archive.org/stream/cu31924021573468#page/n105/mode/2up> at 26 June 2016.
- Chrisman, L., & Williams, P. (1993). *Colonial discourse and post-colonial theory: A reader*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Emily Innes & Tunku Panglima Raja. (1885). (n.d.). Retrieved from <http://historianlodge.historiansecret.com/?p=1006> at 23 Jun 2016.
- Innes, E. (n.d.). The Chersonese with the Gilding Off. Retrieved from <https://archive.org/stream/chersonesewithg00emilgoog#page/n283/mode/2up> at 20 Jun 2016.
- Mills, S. (1991). *Discourses of difference: An analysis of women's travel writing and colonialism*. London: Routledge.
- Said, E. W. (1979). *Orientalism*. New York: Vintage Books.
- Sulaiman Noordin. (1999). *Sejarah Pemikiran II*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawiah Yahya. (1990). Resisting Colonial Discourse. *Akademika*, 37 (Disember 1990), 107 – 133.

Diperoleh (*Received*): 6 April 2017

Diterima (*Accepted*): 15 Oktober 2018